

Waspada leptospirosis, lewat rawatan meragut nyawa

Pembunuh senyap, mudah jangkiti jika kerap terdedah aktiviti air atau dikelilingi haiwan

Penyakit leptospirosis dikategorikan sebagai pembunuh senyap kepada manusia dan sukar dikesan pada peringkat awal, namun mampu meragut nyawa.

Bagaimanapun, leptospirosis tidak berjangkit daripada manusia kepada manusia yang lain.

Beberapa siri kematian termasuk membabitkan golongan selebriti menyebabkan penyakit ini mendapat perhatian meluas seluruh rakyat Malaysia.

Natijahnya, persekitaran yang kotor dan dipenuhi sampah (termasuklah longgokan sampah haram dan tidak teratur) kebiasaannya menarik perhatian haiwan vektor seperti tikus untuk membuat penempatan sekali gus menyebarkan bakteria terbabit.

Sisa makanan ditinggalkan pengunjung pula boleh menjadi sumber makanan kepada tikus dan hidupan liar lain yang najisnya akan meracuni kawasan perkelahan terbabit.

Selanjutnya, apabila manusia terdedah kepada air dan tanah tercemar menerusi luka terbuka atau mukosa hidung, mulut dan mata, mereka berpotensi dijangkiti penyakit tersebut.

Seseorang individu berisiko dijangkiti penyakit ini jika kerap meluahkan banyak masa di luar rumah atau dikelilingi haiwan.

Malah, seseorang lebih cenderung untuk terdedah kepada bakteria ini jika mempunyai salah satu daripada pekerjaan berikut, iaitu petani, doktor haiwan, pekerja bawah tanah (bekerja dalam pembetung atau di lombong), pekerja rumah sembelih dan tentera.

Di samping itu, mereka yang sering melakukan aktiviti berakit, berenang, atau berkhemah berhampiran tasik dan sungai turut berisiko tinggi untuk mendapatkan penyakit ini.

Menurut, Profesor Madya Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman, berkata di Malaysia, jumlah penyakit ini disifatkan sebagai antara yang terendah sehingga menyebabkan masyarakat tidak mengambil serius mengenai usaha mencegah penyakit seumpama ini daripada terus berlaku.

Waspada mandi sungai, air terjun

Katanya, tanpa perhatian yang sewajarnya, leptospirosis sering terlepas pandang dan tidak banyak laporan mengenainya sedangkan ia mampu meragut nyawa.

“Mereka yang selalu dijangkiti penyakit ini lazimnya berada dalam lingkungan umur 20 hingga 30 tahun.

“Ini kerana golongan inilah yang selalunya aktif melakukan aktiviti seperti sukan air, memancing dan berkelah di kawasan sungai atau tasik,” katanya.

Ironinya, rakyat Malaysia gemar meluahkan masa hujung minggu untuk bermandi-manda di kawasan sungai dan air terjun.

Di sungai atau tasik, bakteria ini lazimnya banyak terdapat pada gigi air. Ini kerana haiwan yang dijangkiti bakteria ini selalunya akan buang air berdekatan dengan gigi air.

Justeru, di sebalik keseronokan, pastikan sentiasa menjaga kesihatan diri daripada penyakit leptospirosis yang sering dikaitkan dengan aktiviti di sungai.

Mengambil contoh, pada Disember 2014, keseronokan lima sekeluarga di Kedah bertukar tragedi apabila anak sulung mereka meninggal dunia akibat positif virus wabak kencing tikus.

Pada 13 Jun 2024 pula, seramai 33 orang termasuk pelajar dan guru sebuah sekolah disyaki dijangkiti

kencing tikus selepas mengunjungi Kolam Air Panas Jasin, Melaka.

Terkini, pada 18 Jun lalu, Pusat Rekreasi Lata Bayu, Asam Jawa ditutup buat sementara selepas dua pengunjung disyaki dijangkiti penyakit kencing tikus.

Penyakit ini menunjukkan pelbagai gejala klinikal. Di antara gejala jangkitan leptospirosis yang boleh ditunjukkan oleh pesakit adalah demam yang tinggi, sakit kepala, menggigil (chills), sakit otot, muntah, jaundis (penyakit kuning), radang mata, sakit perut, cirit-birit, batuk dan ruam di kulit.

Bagi mereka yang menunjukkan gejala seperti di atas hendaklah segera ke klinik untuk pemeriksaan dan rawatan, khususnya bagi mereka yang mempunyai sejarah terdedah kepada air atau makanan yang tercemar.

“Rawatan awal dengan antibiotik akan dapat mengelak komplikasi dan kematian.

Langkah pencegahan dan kawalan

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan kira-kira 873,000 kes jangkitan leptospirosis setiap tahun dengan lebih 40,000 kematian.

Justeru, ancaman penyakit ini tidak boleh dipandang ringan. Terdapat beberapa cara yang boleh dipraktikkan

untuk mengelak perkara ini daripada berlaku, iaitu:

- Bagi pekerja yang mempunyai risiko terdedah kepada air tercemar, hendaklah sentiasa berkasut dan berpakaian sempurna, sebaiknya kalis air.
 - Mengelak diri daripada bermain air atau bermandi manda di sungai atau kolam jika terdapat luka atau kudis di kulit.
 - Jika masih juga terpaksa terdedah kepada air, tutup luka atau kudis tersebut dengan sempurna dengan plaster yang kalis air.
 - Risiko pencemaran biasanya meningkat selepas hujan. Elakkan aktiviti rekreasi membabitkan air ketika hujan dan selepasnya sehingga keadaan air kembali normal.
 - Elakkan dari bermain air sewaktu musim banjir.
 - Elak meminum air sungai yang tidak dimasak atau dirawat
 - Sentiasa menjaga kebersihan persekitaran bagi mengelakkan kehadiran perumah haiwan khususnya tikus dan meningkatkan risiko pencemaran dengan bakteria berkenaan.
 - Sampah-sarap dan sisa makanan yang tidak dilupuskan secara sempurna akan mengundang kehadiran haiwan ini.
 - Elakkan pergi ke tempat rekreasi air (sungai atau tasik) yang mempunyai sejarah pesakit yang mengalami kencing tikus.
 - Jika mempunyai aktiviti air di kawasan itu dinasihatkan mengambil antibiotik sebelum melakukan aktiviti tersebut. Antibiotik yang disarankan adalah satu dose Doxycycline 200 miligram (mg) seminggu sebelum aktiviti air tersebut dilakukan.
- Justeru, Dr Haliza menasihatkan orang ramai supaya segera mendapatkan rawatan jika mendapat gejala penyakit dalam tempoh dua minggu dari tempoh mengunjungi tempat rekreasi yang mungkin tercemar (seperti kawasan air terjun, air sungai, tasik, kolam dan lain-lain).



Dr Haliza Abdul Rahman

